

## Impak Konflik Rusia-Ukraine terhadap Peranan dan Cabaran Baru Golongan Wanita: Analisis Laporan Akhbar Barat

AZLIZAN MAT ENH\*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Perhatian media ke atas mangsa perang wanita kebanyakannya mengekalkan laporan yang stereotaip iaitu menekankan peranan wanita secara tradisional dan menormalkan keganasan terhadap wanita. Berbeza dengan artikel ini yang bertujuan untuk mengetengahkan peranan dan tanggungjawab wanita ketika era perang yang berubah daripada peranan tradisional mereka kepada tanggungjawab yang lebih mencabar. Artikel ini menggunakan analisis kandungan kualitatif. Kaedah ini menganalisis kandungan laporan perang Rusia-Ukraine dan impaknya ke atas wanita berdasarkan tiga sumber media. Pertamanya, laporan berita daripada media organisasi iaitu BBC dan Deccan Herald. Kedua, laporan daripada buletin United Nation News dan yang ketiga, akhbar bersifat bukan berorientasikan keuntungan dan bebas seperti The New Humanitarian. Kesemua bahan media yang dipilih ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar yang diterbitkan secara digital dan atas talian. Hasil kajian mendapati bahawa kuasa media melalui laporan akhbar adalah penting dalam membuat pendedahan, menyampaikan mesej dan memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa wanita perlu mendapat penghargaan yang setara sebagaimana orang lelaki kerana peranan wanita semasa perang telah berubah apabila mereka turut memainkan peranan yang mencabar seperti wartawan, guru, ketua isi rumah dan memikul tanggungjawab sebagaimana pihak lelaki dalam mempertahankan negara dari pencerobohan musuh.

**Kata kunci:** Wanita, impak, konflik, akhbar, media.

## The Impacts of the Russia-Ukraine Conflict on Women's New Roles and Challenges: An Analysis from the Western Press Reports

### ABSTRACT

Media attention on female war victims mainly perpetuates stereotyped reports that emphasize on the traditional role of women and normalize violence against women. In contrast, this article aims to emphasize the role and responsibilities of women during the era of war, which changed from their traditional roles to more challenging responsibilities. This article uses a qualitative content analysis. This method analyses the content of reports of the Russian-Ukrainian war and its impact on women based on three media sources. First, news reports from media organizations such as the BBC and the Deccan Herald. Second, reports from the United Nations News Bulletin and third, a non-profit and independent newspaper such as The New Humanitarian. These selected media materials use English as the medium of delivery and are published digitally and online. The results of the study found that the power of the media through newspaper reports is essential in making disclosures, conveying messages and giving

\*Penulis koresponding: azlizan@ukm.edu.my

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2025-4101-02>

Diterima: 1 Ogos 2023 | Diperakuan: 7 Februari 2024 | Diterbitkan: 30 Mac 2025

awareness to the community that women need to be valued equally as men because the role of women during the war has changed when they also play a challenging role and bear responsibility as the men in defending the country from enemy invasion.

**Keywords:** *Women, impact, conflicts, newspaper, media.*

## PENGENALAN

Pada 24 Februari 2022, Rusia melancarkan pencerobohan besar-besaran ke atas Ukraine, menandakan permulaan perang terbesar di Eropah sejak Perang Dunia Kedua. Organisasi berita utama di seluruh dunia telah menunjukkan tindak balas dalam membuat liputan mengenai serangan pengeboman dan keganasan di bandar-bandar yang dilanda teruk menerusi penyiaran, digital dan media cetak. Wartawan, orang awam dan ahli politik termasuk Presiden Ukraine, Volodymyr Zelensky turut menggunakan rangkaian media sosial seperti TikTok, Telegram dan Twitter untuk mendokumentasikan kengerian perang untuk diberitakan kepada khalayak global dalam masa perang. Media menjadi medium untuk mendokumentasikan dan menyebarkan maklumat tentang krisis kemanusiaan (Azlizan & Norlilawati, 2020; Koh et al., 2021; Azlizan et al., 2022) yang berlaku di Ukraine seperti penindasan gender yang menjadi ciri peperangan sepanjang sejarah. Sejarah juga membuktikan bahawa wanita selalunya paling teruk terjejas akibat konflik. Mereka sering menjadi sasaran keganasan seksual sementara suami dan anak-anak mereka dibunuhi atau meninggalkan mereka tanpa sokongan.

Laporan media juga membuktikan bahawa dalam pencerobohan Rusia ke atas Ukraine jumlah wanita dan kanak-kanak yang menjadi pelarian adalah sebanyak 90 peratus iaitu daripada 5.5 juta pelarian yang meninggalkan sempadan Ukraine sehingga Mei 2022 (European Parliament, 2022). Ini kerana lelaki antara umur 19 tahun hingga 60 tahun terlibat di medan peperangan. Wanita dari kaca mata maskulin dianggap tidak mempunyai sumbangan terhadap peperangan walaupun perang yang dimulakan oleh kaum lelaki telah mengakibatkan wanita yang menjadi mangsanya. Peranan wanita sering dikaburkan atau diketepikan dalam sejarah perang kerana kurang mendapat perhatian antarabangsa yang lebih memberi tumpuan kepada penyelesaian perang yang mempunyai impak kepada ekonomi dan politik sejagat. Adakah wanita tidak mempunyai sumbangan ketika peperangan? Bagaimana wanita menyelamatkan diri daripada peperangan ketika suami dan anak-anak lelaki meninggalkan mereka untuk ke medan peperangan atau dibunuhi?

Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana perang telah membentuk peranan dan cabaran baru kepada wanita Ukraine. Impak ini akan dilihat dari sudut peranan baru yang lebih berbahaya yang dimainkan oleh wanita ketika negara berada dalam zon konflik seperti yang dilaporkan oleh media. Bukan tentang kes rogol yang sering menjadi paparan media massa apabila membincangkan tentang mangsa perang wanita. Pemilihan media sebagai bahan sumber dalam analisis artikel ini kerana pertama, media menjadi medium untuk mendokumentasikan dan menyebarkan maklumat mengenai sesuatu peristiwa. Kedua, media sentiasa mempunyai hubungan yang istimewa dengan perang atau konflik, terutamanya kerana setiap situasi ini dianggap sebagai nilai berita utama memandangkan ia mempunyai kepentingan awam sepenuhnya serta mempunyai implikasi keselamatan selain dapat memberi emosi kepada masyarakat. Ketiga, skala tindak balas media membuat liputan terhadap pencerobohan Rusia, merupakan satu mekanisme penting membolehkan orang ramai

mengakses berita tentang konflik Rusia-Ukraine dan memahami kesan konflik ke atas manusia dan harta benda. Keempat, media dapat menyampaikan sesuatu laporan dengan menggunakan bahasa yang tepat untuk menyampaikan kebenaran situasi yang berlaku di depan mata. Penggunaan bahasa yang tidak disekat oleh keinginan dapat menjadikan liputan berita lebih "objektif", "seimbang" dan "tidak berat sebelah" (Rai, 2000; Bratic, 2008; Hoskins & O'Loughlin).

#### KAJIAN LEPAS

Shukan (2021) membahaskan tentang penglibatan wanita semasa perperangan di Donbas. Kaum wanita dinyatakan berperanan sebagai sukarelawan yang merawat pesakit di hospital ketenteraan Kharkiv. Sementara itu, penulisan Martsenyuk dan Troian (2018) menjelaskan tentang keterlibatan kaum wanita semasa terjadinya Pemberontakan Maidan pada 2013 hingga 2014. Wanita bergiat aktif dalam semua aktiviti protes, termasuk melakukan serangan, sebagai pengaman dan pemberi maklumat. Namun demikian, pada Februari 2014, wanita dikecualikan daripada zon rusuhan Maidan. Dalam hal ini, timbulnya suatu stigma bahawa kaum wanita sebenarnya tidak sesuai untuk mengambil 'tugas' lelaki. Selain itu, perperangan turut membawa keganasan seksual sebagai senjata dan 'alat' yang penting. Serangan seksual berlaku kepada wanita dan kanak-kanak perempuan di Myanmar, semasa 'perang Iraq-ISIS' dan juga mana-mana negara yang mengalami konflik persenjataan. Kekacauan yang berlaku di Rwanda menyaksikan ramai wanita menjadi mangsa pemerkosaan (Wahyuni, 2020). Walau bagaimanapun, keganasan seksual juga boleh terjadi tanpa melibatkan satu gender semata-mata. Hal ini diutarakan melalui penulisan Kulick (2022) yang menjelaskan tentang jenayah seksual yang berlaku semasa konflik perperangan antara Rusia dan Ukraine. Kaum wanita dan lelaki masing-masing menjadi objek keganasan seksual. Mangsa turut terjebak dalam aktiviti haram seperti perhambaan mahupun sindiket pemerdagangan manusia, seperti yang terjadi pada pelarian wanita ekoran daripada Konflik Rusia-Ukraine (Martikainen & Sakki, 2023).

Golongan wanita juga secara tidak langsung akan terlibat dengan perperangan yang berlaku sama ada memikul tanggungjawab dalam medan perang mahupun luar kawasan perang (Darden, 2023). Hal ini demikian kerana perperangan yang berlaku, seperti konflik Ukraine yang bermula seawal 2014 dan masih berlarutan, memaksa polis baru (Azlizan, 2010) dibentuk untuk menjaga keamanan Ukraine. Peranan ini kurang didedahkan, Vayrynen (2023) menjelaskan bahawa peranan dalam organisasi tersebut dapat memberikan sumbangan secara langsung dalam menentukan strategi dan taktik yang boleh digunakan dalam perperangan untuk diaplakisikan secara fizikal. Impak perperangan telah mengubah tanggungjawab para wanita untuk terlibat dalam sektor ketenteraan, pertanian, ketenteraan dan sektor-sektor penting yang lain yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara (Al-Sammaraie, 2023). Walau bagaimanapun, peranan sosial wanita turut berubah selepas perang apabila satu gerakan yang menggesa untuk mendapatkan hak mengundi wanita dan perjuangan untuk meluaskan perwakilan wanita dalam badan perwakilan tempatan dan kebangsaan. Menurut Tripp (2023) pada penulisannya, *War, Revolution, and the Expansion of Women's Political Representation*, Perang Dunia telah memaksa para wanita untuk menyertai perbadanan yang hanya dibenarkan oleh para lelaki, membuka mata mereka bahawa tanggungjawab yang dipikul boleh dilakukan oleh mana-mana jantina. Haug (2023) mengulas bahawa wanita sering dijadikan sebagai alat

timbang-tara yang digunakan oleh para tentera lelaki untuk menjatuhkan pihak lawan dan menaikkan motivasi mereka untuk meneruskan perang sehingga berjaya menguasai kawasan yang diperangi. Wanita merupakan mangsa perang yang berlaku di antara dua pihak yang didominasi oleh para tentera lelaki, dalam penulisannya *The Entry of Women into War*. Haug memetik mengenai sejarah perang yang berlaku di Berlin sekitar 80-an-90-an, mengenai tragedi pengeboman yang berlaku lebih dikenali sebagai ‘*raisin bombers*’ (*Rosinenbomber*). Ulas beliau, para wanita sekali lagi menjadi mangsa perang walaupun dijanjikan keselamatan oleh para tentera lawan, namun janji tersebut hanyalah taktik mereka untuk mengawal tindak-tanduk wanita yang terkesan semasa perang. Tambahan lagi, Degani dan Cimino (2023) berpendapat bahawa para wanita yang terkesan daripada perang Ukraine-Rusia melarikan diri ke Itali dieksplotasi seterusnya menjadi mangsa dalam sindiket pemerdagangan manusia. Jelas, bahawa perang meninggalkan kesan yang mendalam kepada para wanita selain mengancam nyawa mereka, wanita turut memikul peranan baru yang berbeza dan bertambah serta lebih berisiko daripada sebelumnya.

#### METODOLOGI

Artikel ini menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Kaedah ini menganalisis kandungan laporan impak perang Rusia-Ukraine ke atas wanita berdasarkan tiga sumber media. Pertamanya, laporan berita daripada media organisasi iaitu BBC dan Deccan Herald. Kedua, laporan daripada buletin United Nation News dan yang ketiga, akhbar bersifat bukan berorientasikan keuntungan dan bebas seperti The New Humanitarian. Kesemua bahan media yang dipilih ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar yang diterbitkan secara digital dan atas talian. Bahan-bahan media ini dipilih untuk mendapatkan maklumat tentang Perang Rusia-Ukraine dan impaknya ke atas wanita. Bahan media yang dipilih dan digunakan sebagai sumber dalam penulisan ini adalah saluran media yang paling kerap dirujuk oleh masyarakat antarabangsa untuk mendapatkan maklumat. Antara perkataan yang banyak dan kerap digunakan untuk mendapatkan maklumat dalam media terhadap perang Rusia-Ukraine dan bahan liputan media mengenai impak konflik ini terhadap wanita antaranya adalah *Russia, Ukraine, war, impact, war, women, victim, defends*. Maklumat yang diperolehi dicerakinkan berdasarkan fokus artikel iaitu yang menyentuh perbincangan dan laporan tentang wanita dan perang di Ukraine. Kajian ini mengambil masa selama sembilan bulan iaitu sejak mulai Januari 2023 sehingga September 2023 meletusnya Perang Rusia Ukraine dengan analisis ke atas lebih 50 akhbar. Kesemua akhbar yang dipilih adalah hanya menumpukan kepada perang dan wanita.

#### PERBINCANGAN

##### *Latar Belakang Konflik Rusia-Ukraine 2022*

Perang Rusia-Ukraine secara rasmi telah bermula apabila Presiden Rusia, Vladimir Putin mengisyiharkan perang terhadap Ukraine pada 24 Februari 2022. Pencerobohan Rusia terhadap Ukraine adalah satu ancaman keselamatan dan keamanan terbesar di Eropah semenjak berakhirnya Perang Dingin. Pengisyiharan perang ini adalah disebabkan pelbagai konflik dan isu terbesar adalah hasrat Ukraine untuk menyertai *North Atlantic Treaty Organization* (NATO). Presiden Ukraine iaitu Volodymyr Zelenskyy telah mengumumkan bahawa Ukraine bersedia untuk menyertai NATO pada Jun 2021 (Astro Awani, 2021). NATO merupakan

satu pakatan pertahanan tentera yang dianggotai negara Eropah dan diketuai oleh Amerika Syarikat (AS). Keadaan ini mula menjadi konflik kerana sekiranya Ukraine menjadi sebahagian daripada NATO, Rusia secara automatiknya akan terancam memandangkan Rusia merupakan negara bekas Kesatuan Soviet dan Amerika Syarikat mempunyai sejarah lalu yang tidak baik dengannya. Keadaan ini akan menjadi masalah kerana kawasan kuasa atau pengaruh akan Amerika diperluaskan sehingga ke sempadan Rusia. Ini adalah satu ancaman (Rohani et al., 2020) kepada Rusia terutamanya dalam aspek rahsia negara memandangkan Rusia dan Amerika tidak mempunya hubungan baik. Keadaan ini dapat dilihat dalam persaingan dua blok besar iaitu Soviet Union dan Amerika Syarikat semasa perang dingin.

Rusia-Ukraine merupakan negara yang mempunyai kaitan yang sangat rapat. Secara dasarnya, berdasarkan sejarah Rusia-Ukraine, kedua-dua negara ini adalah berada di bawah satu negara yang sama dan berada di bawah satu pentadbiran. Walau bagaimanapun, Perang Dingin yang melibatkan persaingan merebut kuasa besar antara blok demokrasi dan blok komunis telah menyebabkan kekalahan kepada Soviet Union. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan Soviet runtuh dan beberapa bahagian di negaranya dimerdekakan dan ini termasuklah negara Ukraine. Ini membawa kepada pemisahan Rusia dan Ukraine sebagai dua buah negara yang berbeza. Ukraine telah mengisytiharkan kemerdekaannya secara rasmi pada 24 Ogos 1991. Pada tarikh ini tertubuhnya negara Ukraine yang berdaulat dan mentadbir sendiri. Hubungan antara Rusia dan Ukraine adalah sangat akrab dan telah terjalin sejak tahun 1991 setelah pembubaran Soviet (Trihutama, 2020).

Peperangan antara kedua-duanya menyaksikan orang awam yang tidak bersalah menjadi sasaran dan mangsa peperangan. Sehingga 14 Julai 2022, terdapat sejumlah 6,520 ribu orang awam tercedera, 5,024 ribu yang terbunuh, 11,544 ribu menjadi mangsa yang terdiri daripada rakyat Ukraine dan 23,142 ribu jenayah telah dicatatkan (Russia's War in Ukraine: Official Website, t.th.). Laporan UN menyatakan bahawa wanita Ukraine menghadapi kesan yang besar apabila tercetusnya peperangan antara Rusia dan Ukraine. Sejak tercetusnya perang Rusia-Ukraine, kedudukan wanita di Ukraine telah berubah sama sekali.

### *Peranan dan Cabaran Baru Wanita Ukraine Era Perang*

Terdapat kira-kira 75 peratus wanita Ukraine daripada 5.5 juta wanita yang menjadi mangsa keganasan dan mangsa keganasan ini adalah berumur seawal 15 tahun dan satu pertiga daripada mereka dikaitkan dengan keganasan seksual (Cursino, 2022). Di dalam kes Ukraine, serangan ataupun penderaan seksual menjadi antara serangan yang dihadapi oleh Ukraine terutamanya wanita. Berdasarkan laporan dari BBC, dinyatakan bahawa terdapat askar Rusia yang telah merogol wanita Ukraine serta kanak-kanak perempuan bawah umur iaitu seawal umur 10 tahun (Cursino, 2022).

Ini dapat dilihat bahawa terdapat imej serta video yang memperlihatkan wanita Ukraine bersalin di stesen metro bawah tanah dan bayi yang baru sahaja dilahirkan itu dipindahkan dengan tergesa-gesa ke tempat perlindungan sementara (Cursino, 2022). Bukan itu sahaja, terdapat laporan mengenai kematian seorang wanita hamil dan di dalam imej yang dipaparkan mayat wanita itu memegang kandungannya (Cursino, 2022). Ini adalah satu penindasan dan penafian hak mereka untuk hidup selesa dan aman. Keadaan ini memperlihatkan bahawa hak seorang wanita hamil untuk menerima rawatan sepatutnya di dalam keadaan yang aman telah

hilang. Selain itu, berdasarkan laporan kesihatan mengenai wanita hamil sebelum berlakunya perperangan, dianggarkan bahawa terdapat hampir 80,000 wanita Ukraine yang hamil akan melahirkan anak dalam tempoh tiga bulan akan datang (Cursino, 2022). Walau bagaimanapun dengan akses kesihatan yang terhad, bakal ibu ini akan menghadapi persalinan yang kritikal yang mampu mengancam nyawa mereka.

Akibat daripada tekanan perang, menurut laporan daripada sumber media tersebut, perperangan ini telah menukar peranan wanita daripada peranan tradisional mereka kepada agen perubahan dalam masyarakat. Ini kerana sudah tiba masanya untuk mereka memecahkan kesunyian yang menyakitkan wanita di tempat yang dilupakan," kata Cousin. "Kita boleh melakukan ini dengan mendengar secara aktif suara wanita, dan mengiktiraf cabaran mereka, dengan memberi perhatian kepada kapasiti mereka serta keperluan mereka." Keperluan khusus wanita dalam krisis terdiri daripada perlindungan daripada penderaan seksual kepada sokongan dalam memainkan peranan baharu sebagai ketua isi rumah (The New Humanitarian, 2014).

#### *Ketua Isi Rumah*

Perang di Ukraine menimbulkan risiko tambahan kepada orang awam, terutamanya wanita dan kanak-kanak, seperti yang diramalkan yang mencetus konflik kemanusiaan terbesar di Eropah sejak Perang Dunia Kedua (Vlasova, 2024). Konflik Rusia-Ukraine telah memberi impak yang besar, terutamanya ke atas golongan wanita dan kanak-kanak warga Ukraine. Buktinya, disebabkan oleh kemusnahan dan kerosakan yang berlaku akibat perperangan yang berlaku di Ukraine, ramai penduduk Ukraine yang melaikan diri ke tempat atau negara yang selamat demi menyelamatkan diri daripada serangan Rusia ke atas Ukraine. Kesannya, jumlah pelarian daripada Ukraine ke kem perlindungan dan negara-negara jiran semakin bertambah (European Parliament, 2022). Rentetan daripada itu, hampir semua kumpulan pelarian yang keluar daripada Ukraine adalah terdiri daripada wanita dan kanak-kanak, manakala selebihnya adalah lelaki iaitu sebanyak 10% seperti yang direkodkan sehingga bulan Mei baru-baru ini (Food and Agriculture Organization of the United Nations, 2022). Kebanjiran pelarian negara-negara jiran juga adalah disebabkan oleh negara-negara anggota Kesatuan Eropah atau *European Union* (EU) yang diseru agar membuka pintu sempadan dan menerima warga Ukraine yang ingin mencari penempatan yang selamat.

*Parliament also urges EU countries to provide safe and coordinated transport between member states.*

Kebanjiran populasi wanita dan kanak-kanak yang mendominasi kumpulan pelarian daripada Ukraine telah menjadi persoalan bagi sesetengah pihak. Ekoran itu, agensi pelarian PBB iaitu *United Nation High Commission for Refugees* (UNHCR) telah menganalisis, perkara tersebut berlaku adalah disebabkan oleh golongan lelaki Ukraine yang berusia 18-60 tahun dipaksa oleh Undang-undang Tentera (*Martial Law*) untuk berjuang demi negara mereka. Dalam pada itu juga mereka diarahkan dan tidak dibenarkan untuk keluar daripada negara mereka (Food and Agriculture Organization of the United Nations, 2022).

Hal ini juga secara tidak langsung telah meletakkan golongan wanita yang terjejas daripada perperangan tersebut pada kedudukan yang sukar dan bahaya (O'Brien & Quenivet,

2022). Ini kerana kumpulan pelarian tersebut kekurangan atau ketiadaan lelaki yang dapat memimpin dan melindungi pergerakan mereka untuk mencari perlindungan di negara-negara jiran dan kawasan yang jauh daripada kawasan peperangan. Hal ini lebih sukar bagi golongan wanita yang sudah berkahwin dan memiliki anak, dengan ketiadaan suami di sisi untuk melindungi mereka daripada bahaya (O'Brien & Quenivet, 2022). Oleh sebab yang demikian, kedudukan wanita dalam keluarga telah berubah dengan meletakkan isteri dan ibu dalam keluarga sebagai ketua keluarga (NGO Working Group on Women, Peace and Security, 2022). Perubahan kedudukan dan peranan wanita sebagai ketua keluarga tersebut juga telah menyebabkan mereka sukar mendapatkan akses makanan dan keperluan yang lain untuk keluarga mereka, terutamanya bagi mereka yang berstatus pelarian sepertimana yang dinyatakan oleh Wanita PBB:

*Gender roles are also changing. While many men have become unemployed or have been called up to serve in the armed forces, women have taken on new roles and multiple jobs to make up for lost household income. (UN News, 2022)*

Analisis dari *UN Women and CARE* mendedahkan bahawa wanita dan golongan minoriti menghadapi kesukaran dalam hal kesihatan, keselamatan dan akses kepada makanan akibat daripada krisis antara Ukraine-Rusia. Di Ukraine, wanita kini menjadi ketua keluarga sebagai pemimpin dalam komuniti mereka apabila lelaki terpaksa dikerahkan tenaga untuk negara mereka. Namun begitu, sebahagian besarnya wanita masih dikecualikan daripada proses membuat keputusan rasmi yang berkaitan dengan politik, keamanan dan bidang lain yang memberi kesan secara langsung kepada kehidupan mereka (UN Women, 2022).

Menurut seorang wanita daripada 19 orang wanita yang mengambil bahagian dalam temubual yang dilakukan oleh *UN Women* antara 2 dan 6 April 2022, berkata, "Apabila ia berkaitan dengan rasa kemanusiaan terhadap orang yang kehilangan tempat tinggal, penduduk tempatan dan isi rumah, wanita yang kebanyakannya melakukan pekerjaan tersebut. Mereka perlu memandu, menyediakan ubat-ubatan dan makanan untuk penduduk tempatan serta mereka jugalah yang mengambil berat tentang saudara-mara dan anak-anak mereka yang kurang upaya" (UN Women, 2022). Tambahan lagi, dengan penutupan sekolah, permintaan tinggi untuk kerja sukarela, dengan ketiadaan lelaki, beban penjagaan wanita telah meningkat dengan ketara. Peperangan ini meningkatkan pengangguran di kalangan seluruh penduduk dan berkemungkinan akan mendorong wanita ke dalam sektor ekonomi tidak formal yang tidak dilindungi dan boleh meningkatkan kadar kemiskinan penduduk. Menurut pengarah Eksekutif Wanita PBB, Sima Bahous:

*It's critical that the humanitarian response in Ukraine takes into account and addresses the different needs of women and girls, men and boys, including those that are furthest left behind. This timely analysis provides the evidence of those needs, and their urgency. Women have been playing vital roles in their communities' humanitarian response. They must also be meaningfully involved in the planning and decision-making processes to make sure that their specific needs*

*are met, especially those related to health, safety, and access to livelihoods. (UN Women, 2022)*

Tindakan ke atas kesaksamaan jantina sudah terbukti dalam krisis ini dan menunjukkan bahawa wanita memainkan peranan penting ketika perang di antara Rusia dan Ukraine. Jika sebelum ini, tugas wanita hanyalah menjaga keluarga, namun kini mereka terpaksa mengambil alih tugas ketua keluarga seperti bekerja mencari pendapatan lebih bagi menampung ahli keluarga mereka.

#### *Memperkasakan Tanggungjawab Guru*

Peperangan di Ukraine telah mengakibatkan lebih 6 juta rakyat Ukraine melarikan diri ke negara jiran. Ini termasuk hampir 665,000 pelajar (16% daripada jumlah pelajar yang mendaftar) dan lebih 25,000 pendidik (6% daripada jumlah pendidik di negara ini) yang terkesan. Perang telah memberi kesan yang besar terhadap penyampaian perkhidmatan pendidikan, bersama-sama dengan kerosakan dan kemusnahan kemudahan pendidikan. Sehingga 6 Mei 2022, menurut Kementerian Pendidikan dan Sains Ukraine (MoES), 1,635 sekolah dan universiti (5% daripada jumlah keseluruhan) telah rosak akibat perang (World Bank, 2022).

Sejak pencerobohan Rusia, beratus-ratus sekolah di seluruh negara Ukraine dilaporkan telah musnah (World Bank, 2022). Adalah dianggarkan lebih kurang 2000 buah sekolah telah rosak dan 300 buah sekolah telah musnah sepenuhnya (Kirichenko, 2023). Selain daripada keperluan untuk mempunyai tempat perlindungan bom di sekolah, Kemusnahan ini adalah akibat penggunaan artileri berat, serangan udara, dan senjata letupan lain. Sekolah telah digunakan sebagai pusat maklumat, tempat perlindungan, hab bekalan, atau untuk tujuan ketenteraan. Pada musim gugur dan musim sejuk, Ukraine telah mengalami gangguan bekalan elektrik yang kerap dan berpanjangan, menyebabkan gangguan yang ketara kepada operasi banyak perusahaan dan institusi, termasuk sekolah (Kirichenko, 2023). Hal ini menyebabkan kanak-kanak tidak boleh pergi ke sekolah dan golongan wanita terpaksa menjadi guru dan mengajar anak-anak mereka di rumah supaya pelajaran anak-anak mereka tidak terabai. Perkara ini telah menambahkan lagi peranan untuk wanita selain mengambil tugas ketua keluarga (UN News, 2022).

Kemusnahan infrastruktur yang kritikal termasuk bangunan-bangunan sekolah telah memberi cabaran yang besar kepada semua pihak termasuk guru dan pelajar dalam proses meneruskan pendidikan dalam negara perang. Sebelum beberapa sekolah dibuka pada September 2022, kebanyakannya guru mengajar dalam kawasan perlindungan dengan serba kedhaifan termasuk di bawah runtuhannya. Guru juga mengajar di tempat perlindungan, di wilayah yang tidak mempunyai cahaya dan haba (Bozhko, 2023). Namun, ini tidak menyekat peranan guru untuk meneruskan memberi pendidikan kepada kanak-kanak. Selepas sekolah dibuka pada September 2022, cabaran lain pula dihadapi, di mana guru dan pelajar berhadapan dengan kemusnahan infrastruktur bangunan sekolah dan kemudahan asas pendidikan seperti buku teks. Melalui serangan udara yang kerap dan tekanan yang berleluasa, kanak-kanak kini belajar di tempat perlindungan bom, dan mereka yang berada di wilayah yang diduduki Rusia dipaksa untuk menghadiri sekolah Rusia dengan menggunakan buku teks Rusia

kerana buku teks Ukraine telah dibakar dan digantikan dengan buku teks Rusia. Sejarah penindasan Rusia terhadap bahasa dan pendidikan Ukraine telah bermula berabad-abad lamanya. Kesatuan Soviet, di bawah kepimpinan Stalin, mengatur kempen kejam untuk menghapuskan nasionalisme dan budaya Ukraine, termasuk menyasarkan guru dan intelektual Ukraine. Rejim Stalin melihat bahasa Ukraine sebagai ancaman kepada perpaduan Kesatuan Soviet dan berusaha untuk menindasnya dalam apa jua cara. Akibatnya, beribu-ribu guru dan intelektual Ukraine telah ditangkap dan ditahan serta sering mengalami penyeksaan dan membuat pengakuan secara paksa. Mereka yang dianggap mempunyai hubungan jauh dengan nasionalisme Ukraine menghadapi tindakan penjara, kerja keras atau hukuman mati. Kerajaan Soviet juga ketika era Stalin cuba membersihkan buku berbahasa Ukraine dari sekolah dan perpustakaan, menggantikannya dengan kesusasteraan dan propaganda Rusia. Selain itu, kempen semasa menentang pendidikan Ukraine bukanlah satu perkembangan baru tetapi kesinambungan usaha lama Rusia untuk melemahkan rakyat Ukraine dan budaya mereka. Murid-murid sekolah Ukraine kini telah menjadi sasaran utama dalam kempen ini. Pendekatan sistematis untuk menafikan akses kepada pendidikan dalam bahasa Ukraine dan mengenakan kurikulum bahasa Rusia adalah percubaan untuk memadamkan budaya dan identiti Ukraine daripada generasi akan datang. Amalan ini adalah satu bentuk pembunuhan beramai-ramai budaya yang boleh membawa akibat yang teruk untuk masa depan Ukraine. Tanpa pemahaman dan penghayatan yang betul tentang budaya mereka sendiri, kanak-kanak di kawasan ini mungkin sukar untuk berhubung dengan akar umbi mereka dan mengekalkan warisan mereka. Matlamat kerajaan Rusia adalah untuk mewujudkan generasi individu yang terpisah daripada identiti Ukraine mereka, sebaliknya, mempunyai kesetiaan kepada Rusia (Kirichenko, 2023).

Pencerobohan Rusia ini memberi pemahaman yang jelas kepada masyarakat terutamanya para guru bahawa buku dalam bahasa Ukraine dan bahasa yang mereka tuturkan adalah penting untuk dikenalkan dan dipelihara supaya Rusia tidak dapat menjajah melalui pendidikan dan pertuturan. Atas kesedaran itu, guru-guru mempunyai tanggungjawab dan kesedaran untuk membentuk generasi masa depan Ukraine yang patriotisme dan berjiwa nasionalis, para guru telah mendedahkan pelajar dengan pelajaran yang mendalam tentang pengorbanan dan perjuangan sepanjang hayat seperti mana petikan berikut: *These young minds are growing up amidst heroes, witnessing firsthand how people have given their lives for Ukraine's freedom and independence* (Kirichenko, 2023). Pelajar turut diberi kesedaran bahawa orang ramai telah memberikan nyawa mereka untuk kebebasan dan kemerdekaan Ukraine. Walaupun dalam keadaan yang mencabar, guru-guru tidak berputus asa berazam untuk membentuk generasi masa depan Ukraine yang dapat mempertahankan budaya dan bahasa mereka.

Pada masa yang sama guru turut berperanan untuk memastikan supaya kanak-kanak ini dapat menjadi penghubung kepada sistem pendidikan Ukraine dengan dunia luar (Kirichenko, 2023). Ini adalah untuk menghindari dunia kanak-kanak daripada dibelenggu dengan persekitaran perang semata-mata. Para guru berusaha supaya mereka tidak ketinggalan zaman kanak-kanak yang bahagia kerana mereka tidak patut trauma dengan keadaan perang. Justeru, menghubungkan mereka dengan kanak-kanak dari dunia luar boleh membantu mengurangkan tekanan suasana perang. Guru-guru telah memainkan peranan menyokong pendidikan kanak-kanak untuk mencipta perasaan normal dalam diri mereka. Kanak-kanak sekolah telah dibawa

menyertai upacara penghormatan yang diberikan kepada anggota tentera Angkatan Tentera Ukraine, sukarelawan, doktor dan para wartawan. Tugas guru wanita semasa perang bukan sekadar mengajar kanak-kanak tetapi telah menjadi agen dalam meningkatkan semangat patriotik dan nasionalisme dalam kalangan generasi muda di Ukraine melalui penguasaan pendidikan dan bahasa kebangsaan Ukraine demi membina semula masa depan Ukraine. Ini dapat djelaskan melalui petikan berikut:

*Particular attention is due to Ukrainian teachers, who from the first days of the war supported children and created for them a feeling of 'normal life'. Our education survived. In September, most Ukrainian schools opened their doors. Teachers continue to teach children, both in Ukraine and abroad. Holiday celebrations are held in schools; children support our military and volunteers with drawings; and teachers help schoolchildren to dream of a future in a free Ukraine. (Kirichenko, 2023)*

#### *Mengangkat Senjata*

Sejarah wanita Ukraine terlibat dalam perkhidmatan angkatan tentera Ukraine adalah bermula sejak negara itu mengisytiharkan kemerdekaannya daripada Kesatuan Soviet pada tahun 1991. Pada peringkat awal, mereka hanya berfungsi dan berperanan sebagai pasukan sokongan, sehingga meletusnya permulaan perang pada 2014 iaitu sejak bermulanya pencerobohan Rusia ke bahagian timur Ukraine pada 2014. Wanita telah berada di barisan hadapan dan mengambil semua peranan yang dalam tentera dan batalion sukarelawan, berkhidmat sebagai paramedik, penembak senapang, bom tangan, penembak tepat, dan lain-lain. Golongan wanita mula diterima untuk berkhidmat dalam peranan tempur pada 2016 dan semua peranan tentera telah dibuka kepada wanita pada tahun 2022 (Mathers & Kvit, 2023). Walaupun sering tidak terlibat dalam bidang pertempuran tetapi semua mereka terdedah kepada bahaya dan kesusahan yang sama seperti rakan sekerja lelaki dan wanita mereka yang menembak senjata. Ini memberi cabaran yang hebat bahawa tugas wanita bukan sahaja terhad kepada isi rumah tetapi turut mengangkat senjata sebagai sukarelawan mempertahankan negara. Data menunjukkan bahawa pada Mac 2020, sejumlah 29,760 wanita berkhidmat dalam Angkatan Tentera Ukraine dengan 902 pegawai kanan adalah wanita (Khullar, 2022). Pada Mac 2021, wanita menyumbang 11 peratus daripada semua anggota perkhidmatan dalam angkatan tentera Ukraine dan membentuk 10 peratus daripada mereka yang terlibat dalam operasi ketenteraan di wilayah Donbas. Malah, melalui mobilisasi penuh tentera baru-baru ini, kehadiran wanita dalam tentera Ukraine semakin meningkat, termasuk sebagai peranan tempur. Sehingga Julai 2022, 36,000 wanita sedang menjalankan tugas mereka dan berjuang berjuang bersama tentera lelaki dalam perang Ukraine-Rusia.

Menurut data rasmi, sehingga Mei 2023, adalah dianggarkan seramai 42,000 orang wanita telah berkhidmat dalam perkhidmatan tentera Ukraine dan daripada jumlah tersebut adalah didapati seramai 5,000 orang wanita telah berada secara langsung di barisan hadapan (Malchevska, 2023). Pada masa yang sama tidak dapat dinafikan bahawa mereka turut menjadi mangsa korban iaitu, seramai 107 orang wanita telah tercedera dan terbunuh semasa pencerobohan Rusia (Visit Ukraine, 2023). Atas pengiktirafan dan penghargaan kerajaan

Ukraine ke atas sumbangan dan peranan golongan wanita di medan pertempuran, pada akhir tahun 2022, seramai 350 orang wanita Ukraine dalam pasukan tentera telah dianugerahkan pingat “Hiasan Negara Perang Skala Penuh” (Visit Ukraine, 2023). Dua daripada mereka menerima gelaran tertinggi iaitu *Heroes of Ukraine* (anumerta). Peranan dan sumbangan golongan wanita dalam tentera ini amat dihargai dan disedari bahawa mereka adalah golongan istimewa yang sanggup berkorban untuk negara dengan kudrat semulajadi seorang wanita yang tempatnya bukan di medan perang. Malah Timbalan Menteri Pertahanan Ukraine iaitu Hanna Malyar telah menggambarkan tentera wanita Ukraine seperti berikut:

*They are not written about or filmed. Meanwhile, they are working in the army. They do their important work every day. They are engaged in ensuring equal rights and opportunities for women and men in the army. (Visit Ukraine, 2023)*

Ini menyedarkan masyarakat bahawa peperangan bukan sahaja menjadikan wanita Ukraine berjuang dengan masalah peribadi akibat konflik sosio-ekonomi tetapi juga di barisan hadapan sebagai pejuang untuk mempertahankan negara kebanggaan mereka. Justeru, seruan media massa agar masyarakat antarabangsa memberi perhatian dan sokongan kepada golongan wanita ini amat wajar supaya mereka tidak dipinggirkan. Malah, seharusnya seluruh masyarakat antarabangsa tidak mengabaikan nasib wanita ini, sebaliknya perlu bekerjasama rapat dengan organisasi-organisasi masyarakat untuk membantu mengurangkan kesan konflik yang sedang berlaku ke atas mereka (Khullar, 2022). Jelas di sini menunjukkan bahawa perang di antara Rusia dan Ukraine ini telah memberi kesan kepada peranan wanita di mana tanggungjawab mereka semakin bertambah berbanding dengan sebelum perang.

#### *Melaporkan Berita dari Medan Perang*

Wanita yang mempunyai kerjaya sebagai wartawan adalah normal pada hari ini, tetapi wanita yang sanggup bekerja di medan peperangan untuk melaporkan berita perang kepada dunia adalah wanita luar biasa (Vlasova, 2024). Wartawan wanita Ukraine daripada pelbagai platform media sanggup turun ke medan peperangan. Keganasan dan pencerobohan telah meletakkan ramai wartawan dalam risiko kerana mereka berusaha untuk membawa maklumat yang tepat kepada rakyat dan masyarakat antarabangsa secara amnya. Wartawan di lapangan mempertaruhkan nyawa mereka setiap hari untuk memastikan kebenaran tidak menjadi mangsa perang dan saluran maklumat tidak dimanipulasi (Granger, 2022). Ketika pasukan penceroboh Rusia terus membuat kemajuan di Ukraine, sekurang-kurangnya lima wartawan telah terbunuh dan beberapa pekerja media di negara itu, tempatan dan asing, telah diserang (Granger, 2022). Para wartawan yang tinggal di lapangan membahagikan masa mereka antara membuat liputan konflik dan membantu dalam apa jua cara yang mereka boleh. Antaranya, Anastasiia Levchenko ialah seorang wartawan wanita dari Kementerian Pertahanan Ukraine, telah mendokumentasikan tentang hospital Kyiv yang bersungguh-sungguh berusaha untuk menyediakan penjagaan bagi pesakit yang cedera sepanjang masa. Beliau turut juga menawarkan diri untuk membantu menyediakan pakaian dan makanan untuk pertahanan wilayah selain bekerja sebagai wartawan melaporkan situasi perang kepada masyarakat. Beliau menyaksikan letusan dan suasana panik yang berlaku setiap kali serangan Rusia di Kyiv.

Walaupun Anastasia telah selamat daripada serangan Rusia, tetapi peristiwa perang telah menyedarkan beliau betapa penting untuk beliau kekal berada di Ukraine untuk melaporkan kebenaran. Berikut merupakan petikan daripada beliau:

*I'm useful here as a person who can inform, speak with people and report the truth, [either on] Ukrainian TV or abroad with my colleague, and I feel great support from abroad," she continues, adding that foreign media has an important role in helping to translate work professionally into English and provide work opportunities for those who, like Levechenko, want to remain on the ground. (Granger, 2022)*

Selain Anastasia, wartawan wanita yang turut terlibat dalam melaporkan situasi di medan peperangan ialah Natia Kuprashvili dari TOK TV di Tbilisi, Georgia. Ketika bom Rusia memusnahkan bandar Ukraine, ramai orang awam yang terpaksa melarikan diri, tetapi beliau dan pasukannya berada keadaan berjaga-jaga sepenuhnya untuk memastikan berita itu sampai kepada khalayak ramai. Masyarakat Ukraine akan sentiasa berada dalam kegelapan jika tiada wartawan dalam dan luar negara yang berani untuk melaporkan kebenaran dan menentang laporan palsu. Menurut Natia, mereka telah bekerja di bawah tekanan sejak awal perang malah wartawan dari kumpulan beliau turut diserang oleh puak pro Rusia yang berada di Georgia.

*We have been working under stress since the beginning of the war, although we cannot compare ourselves to our colleagues from Ukraine," says Natia, whose own journalists have come under assault in recent years from pro-Russian groups in Georgia. (Granger, 2022)*

Kecekalan wartawan wanita ini bukan saja kerana sanggup terlibat dalam medan peperangan tetapi apa yang mengagumkan, ialah keberanian seorang wartawan wanita yang sanggup bersembunyi dan tinggal di bawah tanah untuk memastikan beliau dapat menghantar maklumat kepada masyarakat melalui siaran radio. Wartawan tersebut iaitu Iryna Slavinska yang ketika itu berlindung di bawah tanah di Ukraine di lokasi yang tidak didedahkan. Suara penyampaiannya kedengaran mantap serta tidak terpengaruh oleh raungan siren dari latar belakang lokasi tersebut. Sebelum serangan Rusia, beliau adalah seorang penerbit eksekutif untuk Radio Culture di Suspilne, iaitu sebuah syarikat penyiaran awam Ukraine dan beliau juga bertanggungjawab ke atas pasukan wartawan, penerbit dan editor di syarikat penyiaran itu. Sekarang, beliau adalah seorang penyampai radio biasa sama seperti wartawan wanita lain yang bergelut dalam menghadapi halangan demi keselamatan, kerja dan kehidupan semasa peperangan. Golongan wartawan wanita Ukraine sanggup keluar daripada kepompong keselesaan untuk berada di zon berbahaya untuk berjuang dan menyumbang demi pembebasan negara mereka. Namun, ramai wanita Ukraine yang perjuangan dan pengorbanan mereka ketika perang tidak diangkat malah jarang diketahui penglibatan mereka dalam usaha untuk membebaskan Ukraine daripada Rusia (Granger, 2022).

Menurut seorang wartawan bebas Kristina Jovanovski, kaum lelaki cenderung untuk memperkecilkan pasukan yang mempunyai petugas wartawan wanita (Kassova & Scharff, 2022). Ini menyebabkan golongan wanita dalam pasukan menjadi tidak selesa. Ini juga merupakan sebab utama beliau bertindak untuk bekerja sebagai wartawan wanita secara bebas yang berpangkalan di sempadan Rusia-Ukraine. Suara wartawan wanita membentuk kurang daripada satu perempat (23 peratus) daripada sejumlah pakar, watak utama atau sumber yang dirujuk dalam berita apabila menyatakan tentang perang Rusia-Ukraine ini. Pihak berita lebih cenderung untuk memaparkan kisah wanita dan kanak-kanak Ukraine yang dipaparkan dalam sebahagian kecil cerita. Berita wanita dan kanak-kanak selalunya menarik pendengar dan penonton secara emosi untuk lebih diingati, terutamanya kepada pembaca yang terbiasa dengan berita yang memaparkan sumber rujukan dari pihak lelaki. Liputan wanita sering condong ke arah naratif tradisional yang mengaburkan daya tahan dan kepimpinan wanita. Melaporkan tentang wanita dan gadis adalah tidak sengaja dan kebanyakan imej wanita yang diperlihatkan adalah imej mangsa yang terjejas secara tidak seimbang, tetapi mereka adalah pemimpin. Menurut Katya Gorchinskaya iaitu wartawan dan pakar media yang mengendalikan saluran berita bebas Ukraine iaitu Hromadske berkata bahawa:

*Coverage of women is also often skewed toward traditional narratives that obscure women's resilience and leadership. "Reporting on women and girls is accidental," said journalist and media expert Katya Gorchinskaya, who formerly ran the independent Ukrainian news outlet Hromadske. "Most images of women we see are those of victims, who are disproportionately affected, of course, but there are examples of leadership". (Kassova & Scharff, 2022)*

Secara praktisnya, walaupun terdapat usaha-usaha daripada Ukraine untuk memberi layanan dan pengiktirafan yang sama tanpa perbezaan gender, tetapi ianya masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Sikap dan paradigma tersebut turut menjadi cabaran kepada pejuang wanita Ukraine kerana secara umum wanita Ukraine beranggap bahawa masyarakat mereka masih bersifat paternalistik.

## KESIMPULAN

Wanita telah memegang tanggungjawab dan kuasa sejak tempoh enam bulan Rusia menyerang Ukraine. Malah mereka turut menceburi bidang yang dihalangi selama ini. Mereka menyertai pasukan tentera, termasuk dalam jawatan pertempuran, menerajui usaha sukarelawan serta membantu mengumpul dana. Selain itu, mereka tetap menjalankan tanggungjawab dan masih mengambil bahagian dalam pertempuran walaupun tanpa status, faedah atau pengiktirafan yang sama seperti lelaki. Dalam masyarakat Ukraine, tentera dan perang bukanlah tempat untuk wanita. Namun, peralihan dalam masyarakat Ukraine bergerak agak pantas selepas Ukraine diserang oleh Rusia pada tahun 2014, di mana golongan wanita diajar teknik memegang senapang dan mempertahankan diri.

Pada saat orang lelaki sebagai golongan utama dan majoriti terlibat di medan perperangan untuk berjuang menentang kerakusan Rusia, wanita telah mengambil peranan tambahan, memikul peranan baru dalam masyarakat termasuk melakukan pekerjaan yang

boleh mendarangkan bahaya kepada golongan wanita selain menjaga keluarga. Sebelum itu, mereka hanya memegang tanggungjawab dan berhadapan dengan stereotaip lama tentang peranan mereka dalam masyarakat pasca-Soviet di negara mereka. Begitu juga, stereotaip media massa yang selalu meletakkan wanita dan kanak-kanak sebagai imej mangsa perang wajar diubah, bagi memberi ruang kepada aspek pengorbanan dan jasa srikandi Ukraine yang banyak berjasa dalam usaha pembebasan Ukraine. Usaha ini wajar diperluas dan dipergiatkan lagi untuk memartabat dan memberi pengiktirafan dan status yang sewajarnya kepada setiap golongan tanpa mengira gender. Melalui media massa masyarakat telah mendapat informasi bahawa perang Ukraine boleh dijadikan asas bagi membuktikan peranan luar biasa wanita semasa era perang.

#### PENGHARGAAN

Artikel ini adalah hasil daripada penyelidikan SK-2023-040 (Geran Kecil Penyelidikan (GKP) FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia).

#### BIODATA

*Azlizan Mat Enh* merupakan pensyarah program sejarah yang bertaraf Prof. Madya Dr. di Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal-Ehwal Antarabangsa (SPHEA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. Email: azlizan@ukm.edu.my

## RUJUKAN

- Akresh, R., Sonia, B., Leone, M., & Osili, U. (2023). First-and second-generation impacts of the Biafran war. *Journal of Human Resources*, 58(2), 488-531. <https://doi.org/girp3p>
- Al-Sammarraie, F. (2023). Gender conflict and its effect on women before and after the World War II. *International Journal of Gender Studies*, 8(1), 17-26. <https://doi.org/n42v>
- Astro Awani. (2021, June 15). Ukraine umum sedia serta NATO. [https://www.astroawani.com/berita-dunia/ukraine-umum-sedia-sertai-nato-303210?\\_ga=2.109948173.968578629.1658305652-343010765.1658305652](https://www.astroawani.com/berita-dunia/ukraine-umum-sedia-sertai-nato-303210?_ga=2.109948173.968578629.1658305652-343010765.1658305652)
- Azizan Mat Enh, & Norlilawati Samak. (2020). Peranan akhbar sebagai wadah komunikasi pemerintah selepas pilihan raya umum 1969. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(1), 1-19. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3601-01>
- Azizan Mat Enh, Muhamad Khaider Bustami, Hasrina Mustafa, Mohd Shazwan Mokhtar, & Nur Solehah Mohd Ashri. (2022). Isu sawit Malaysia dalam laporan akhbar Kesatuan Eropah. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(1), 118-142.
- Azizan Mat Enh. (2010). Malaysia's Foreign Policy towards Bosnia-Herzegovina 1992-1995. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 18(2), 311-320.
- Bouchard, J.-P., Stiegler, N., Padmanabhanunni, A., & Pretorius, T. B. (2023). Psychotraumatology of the war in Ukraine: The question of the psychological care of victims who are refugees or who remain in Ukraine. *Annales Medico-psychologiques, Revue Psychiatrique*, 181(1), 12-15. <https://doi.org/10.1016/j.amp.2022.04.006>
- Bozhko, O. (2023, February 17). Blog: The hidden front of Ukrainian educators during the war. UN Women. <https://eca.unwomen.org/en/stories/feature-story/2023/02/blog-the-hidden-front-of-ukrainian-educators-during-the-war>
- Bratic, V. (2008). Examining peace-oriented media in areas of violent conflict. *International Communication Gazette*, 70(6), 487-503. <https://doi.org/10.1177/1748048508096397>
- Cimino, F., & Degani, P. (2023). Gendered Impacts of the war in Ukraine: Identifying potential, presumed or actual women victims of trafficking at the Italian borders. *Frontiers in Human Dynamics*, 5, 1-15. <https://doi.org/10.3389/fhmd.2023.1099208>
- Cursino, M. (2022, July 19). Ukraine war: Putin visit Iran in rare international trip. *BBC News*. <https://www.bbc.com/news/world-europe-62218696>
- Darden, J. T. (2023). Ukrainian wartime policy and the construction of women's combatant status. *Women's Studies International Forum*, 96, 102665. <https://doi.org/n42x>
- El Hakim, D. (2023). Sex as a war tool. *American Journal of Humanities and Social Sciences Research (AJHSSR)*, 7(6), 25-31.
- European Parliament. (2022, May 5). War in Ukraine: Protecting women refugees from violence and sexual exploitation [Press release]. <https://www.europarl.europa.eu/news/en/press-room/20220429IPR28229/war-in-ukraine-protecting-women-refugees-from-violence-and-sexual-exploitation>
- Food and Agriculture Organization of the United Nations. (2022, April 2). Gender-related impacts of the Ukraine conflict [Complimentary information note]. <https://www.fao.org/3/cb9419en/cb9419en.pdf>

- Granger, J. (2022, March 2022). Ukraine: Women journalist reporting on the frontline. *Journalism.co.uk.* <https://www.journalism.co.uk/news/ukraine-women-journalists-reporting-on-the-frontline/s2/a913538/>
- Haug, F. (2023). The entry of women into war. *Continental Thought & Theory: A Journal of Intellectual Freedom*, 4(1), 10-24. <http://dx.doi.org/10.26021/14422>
- Hoskins, A., & O'Loughlin, B. (2010). *War and media: The emergence of diffused war*. Polity Press.
- Kassova, L., & Scharff, X. (2022, March 20). Ukrainian women on the front lines but not in the headlines. *Foreign Policy*. <https://foreignpolicy.com/2022/03/20/ukrainian-women-in-the-frontlines-but-not-the-headlines/>
- Khullar, A. (2022, March 9). Russia-Ukraine crisis: Women suffer the brunt of war. *Deccan Herald*. <https://www.deccanherald.com/opinion/russia-ukraine-crisis-women-suffer-the-brunt-of-war-1089526.html>
- Kirichenko, D. (2023, May 18). Ukraine's education system: The impact of war on a generation of schoolchildren. *Vox Ukraine*. <https://voxukraine.org/en/ukraines-education-system-the-impact-of-war-on-a-generation-of-schoolchildren>
- Koh, K. W., Zubaidah V. P. Hamzah, & Azlizan Mat Enh. (2021). Perkembangan teknologi komunikasi dan sumbangannya kepada pentadbiran british dan masyarakat di Negeri-Negeri Selat 1902-1938. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 37(1), 107-125. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3701-07>
- Kulick, O. (2022). Gender and violence in Ukraine: Changing how we bear witness to war. *Canadian Slavonic Papers*, 64(2-3), 190-206. <https://doi.org/n422>
- Kurapov, A., Danyliuk, I., Loboda, A., Kalaitzaki, A., Kowatsch, T., Klimash, T., & Predko, V. (2023). Six months into the war: A first-wave study of stress, anxiety, and depression among in Ukraine. *Frontiers in Psychiatry*, 14, 1190465. <https://doi.org/n424>
- Malchevska, O. (2023, August 2) 'It's like playing with death' - Ukraine's female front-line soldiers. *BBC*. <https://www.bbc.com/news/world-europe-66254964>
- Martikainen, J., & Sakki, I. (2023). Visual humanization of refugees: A visual rhetorical analysis of media discourse on the war in Ukraine. *British Journal of Social Psychology*, 63(1), 1-25. <https://doi.org/10.1111/bjso.12669>
- Martsenyuk, T., & Troian, I. (2018). Gender role scenarios of women's participation in Euromaidan protests in Ukraine. In E. Resende, D. Budryte & D. Buhari-Gulmez (Eds.), *Crisis and change in post-cold war global politics: Ukraine in a comparative perspective* (pp. 129-153). Palgrave macmillan.
- Mathers, J., & Kvit, A. (2023, February 1). Ukraine war: Attitudes changing to women soldiers. *Social Europe*. <https://www.socialeurope.eu/ukraine-war-attitudes-changing-to-women-soldiers>
- Milillo, D. (2006). Rape as a tactic of war. *Affilia* 21(2), 196-205. <https://doi.org/bb83gb>
- NGO Working Group on Women, Peace and Security. (2022, April). Gender analysis of the situation in Ukraine. *United Nations*. <https://www.un.org/sexualviolenceinconflict/wp-content/uploads/2022/04/report/gender-analysis-of-the-situation-in-ukraine/Gender-Analysis-of-the-Situation-in-Ukraine-April-2022.pdf>

- O'Brien, M., & Quenivet, N. (2022, June 8). Sexual and gender-based violence against women in the Russia-Ukraine conflict. *EJIL: Talk.* <https://www.ejiltalk.org/sexual-and-gender-based-violence-against-women-in-the-russia-ukraine-conflict/>
- Rai, A. K. (2000). Media at war: Issues and limitations. *Strategic Analysis*, 24(9), 1681-1694. <https://doi.org/10.1080/09700160008455312>
- Rohani Hj. Ab Ghani, Mat Zin Mat Kib, & Azlizan Mat Eah. (2020). Indonesia-Malaysia confrontation (1963-1966) and the peace talks for restoration of relationship. *Tamkang Journal of International Affairs*, 23(3), 103-142.
- Russia's War in Ukraine: Official Website. (t.th.). *Russia's war crimes* [Infographic]. <https://war.ukraine.ua/russia-war-crimes/>
- Shukan, I. (2021). Gender roles in the rear of the war in Donbas: Women's engagement in the care of wounded combatants. In K. Bluhm, G. Pickhan, J. Stypinska & A. Wierzcholska (Eds.), *Gender and power in Eastern Europe: Changing concepts of femininity and masculinity in power relations* (pp. 83-105). Springer.
- The New Humanitarian*. (2014, March 27). Women: Victims of conflict or agents of change? <https://www.thenewhumanitarian.org/feature/2014/03/27/women-victims-conflict-or-agents-change>
- Trihutama, C. M. Y. (2020). *Perlindungan penduduk sipil dalam konflik antara Rusia dan Ukraina* [Unpublished thesis, Universitas Katolik Soegijapranata].
- Tripp, A. M. (2023). War, revolution, and the expansion of women's political representation. *Politics & Gender*, 19(3), 922-927. <https://doi.org/10.1017/S1743923X2200037X>
- UN News. (2022, May 4). Ukraine War: Reports reveal women are stepping up, impact on education. <https://news.un.org/en/story/2022/05/1117542>
- UN Women. (2022, May 4). Ukraine: New UN Women and CARE report highlights disproportionate impact of the war on women and minorities. <https://eca.unwomen.org/en/stories/news/2022/05/ukraine-new-un-women-and-care-report-highlights-disproportionate-impact-of-the-war-on-women-and-minorities>
- Vlasova, S. (2024, March 9) Heading platoons, repairing machines and doing twice as much: How the war has changed the lives of Ukrainian women. CNN. <https://edition.cnn.com/2024/03/09/europe/ukraine-women-roles-war-intl-cmd/index.html>
- Vayrynen, T. (2023). War agency in women's auxiliary military organizations: The case of Lotta Svärd in Finland. *International Feminist Journal of Politics*, 25(3), 414-433. <https://doi.org/10.1080/14616742.2022.2135559>
- Visit Ukraine. (2023, May 7). Women on the frontline: How many Ukrainian women are taking part in the war and what you need to know about their exploits. <https://visitukraine.today/blog/1808/women-on-the-frontline-how-many-ukrainian-women-are-taking-part-in-the-war-and-what-you-need-to-know-about-their-exploits>
- Wahyuni, Y. S. (2020). Rape as a weapon in genocide and wars: Enquiring the problems of women's witnessing rape. *Journal of Social Studies*, 16(2), 121-136. <https://doi.org/n425>
- World Bank. (2022, April 30). Education: Impact of the war in Ukraine. <http://documents.worldbank.org/curated/en/099945306202211104/P1775870809f1d04d0844c0e7042abf0eb5>